

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI RAUB
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
KES JENAYAH NO: 63ES-05-10/2015**

**ANTARA
PENDAKWARAYA**

-LWN-

**FELDA PALM INDUSTRIES SDN BHD
(KILANG SAWIT (F) KRAU)**

**KEPUTUSAN KES
DAN
ALASAN PENGHAKIMAN**

PENGENALAN

Di dalam kes ini, tertuduh telah dituduh dengan satu pertuduhan iaitu pertuduhan atas kesalahan di bawah Sekyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 16(2) Akta yang sama. Pertuduhan tersebut adalah seperti berikut (**Lampiran 'E'**):-

'Bahawa kamu, pada 26 Mei 2014 lebih kurang jam 12.00 tengahari hingga 1.00 petang di Kilang Sawit (F) Krau yang beralamat di Peti Surat No. 17, 28700 Bentong, Daerah Bentong di dalam Negeri Pahang Darul makmur sebagai pemegang suatu lesen No. 004376 yang dikeluarkan di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 didapati telah melanggar syarat lesen No. 3 iaitu dengan melepaskan effluen melebihi had ditetapkan ke dalam alurair di mana:-

- (i) Oksigen Biokimia yang diperlukan (BOD), 3 hari, 30 C yang mempunyai kepekatan sebanyak 122.5 mg/l iaitu melebihi had 100 mg/l yang ditetapkan.**

Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 16(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 16(2) Akta yang sama'

Ketika dibacakan pertuduhan terhadap tertuduh, tertuduh tidak mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut dan minta dibicarakan. Ketika perbicaraan kes iaitu Kes Pendakwaan, Pendakwaan memanggil hanya **tiga (3) saksi** dan mengemukakan sebanyak **dua belas (12) Eksibit** bagi kes ini.

KES PENDAKWAAN

Berdasarkan keterangan daripada semua saksi pendakwaan dan eksibit-eksibit yang dikemukakan bagi kes ini, Kes Pendakwaan adalah seperti berikut:-

Berdasarkan dokumen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)(**Eksibit P.15**), Syarikat Felda Palm Industries Sdn Bhd ditubuhkan pada tarikh 14.09.1995 yang mempunyai kilang sawit di Daerah Bentong, Pahang yang dikenali dengan nama Kilang Sawit Krau, Felda Krau, Bentong, Pahang iaitu tertuduh di dalam kes ini.

Kilang Sawit Krau ini telah diberi lesen bernombor 004376 (**Eksibit P.14**) di bawah Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam sekitar Malaysia untuk menduduki atau menggunakan premis yang ditetapkan daripada tempoh 01.07.2013 sehingga 30.06.2014 dengan 12 had-had dan syarat-syarat.

Di antara had-had dan syarat-syarat yang terdapat pada lesen tersebut adalah seperti berikut:-

‘Sebarang effluen yang dilepaskan dari takat pelepasan terakhir yang diluluskan mestilah mematuhi standard kualiti yang

ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977 iaitu kepekatan Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD, 3 hari, 30 C) tidak melebihi 100 mg/l.

Pada tarikh 26.05.2014, dua orang pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar Malaysia (Cawangan Temerloh, Pahang) iaitu S.P 1 dan S.P 2 telah bertolak daripada pejabat mereka di Temerloh menuju ke Kilang Sawit Krau di Bentong, Pahang, dan dalam perjalanan mereka itu, mereka telah singgah sebentar di pasar yang berada di kawasan Temerloh untuk membeli ais untuk diletakkan ais tersebut di dalam peti penyejuk 'cool box' yang dibawa bersama di dalam kenderaan mereka bagi tujuan untuk diisi sampel-sampel yang diambil dalam siasatan mereka. Perjalanan kedua-dua pegawai JAS ini daripada Temerloh ke Kilang sawit Krau di Bentong, Pahang memakan masa lebih kurang tempoh sejam lebih.

S.P 1 dan S.P 2 telah sampai di Kilang Sawit Krau pada jam lebih kurang pukul 12.00 tengah hari. Sampai di kilang tersebut, S.P 1 dan S.P 2 telah berjumpa dengan penolong pengurus Kilang Sawit Krau bernama Muhamad Zuki Abdul Kadir. S.P 1 dan S.P 2 telah memberitahu tujuan mereka datang ke Kilang tersebut adalah untuk

memeriksa dan menyiasat sebarang ketidakpatuhan had-had dan syarat-syarat lesen Jabatan Alam Sekitar Malaysia oleh kilang tersebut iaitu mengenai kualiti effluen yang dilepaskan oleh kilang tersebut.

Penolong pengurus kilang sawit tertuduh telah membenarkan S.P 1 dan S.P 2 memasuki premis kilang sawit tersebut. S.P 1, S.P 2 dan penolong pengurus kilang tersebut telah pergi ke tempat perlepasan terakhir cecair effluen 'Final Discharge' kilang sawit tersebut. Setelah ketiga-tiga mereka sampai di 'Final Discharge' tersebut, pada jam pukul 12.49 petang, S.P 1 telah membuat tugas pensampelan iaitu dengan mengambil sampel cecair effluen di tempat pelepasan terakhir 'Final Discharge' kilang sawit tertuduh ini dengan menggunakan teknik 'cekau' (Grap Sampling).

S.P 1 telah memasukkan sampel cecair yang diambalnya itu ke dalam dua (2) botol plastik berukuran 2 liter yang masing-masing ditandakan dengan tandaan 'A' dan 'B', dan S.P 1 juga memasukkan sampel cecair effluen ke dalam satu (1) botol kaca berukuran 500 mililiter yang ditandakan dengan tandaan 'C'. **(Ketiga-tiga botol itu adalah seperti Eksibit P.4 (a), (b) dan (c)).**

Kesemua ketiga-tiga botol itu mempunyai label biru Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang yang dilekatkan di badan botol-botol tersebut dengan butiran-butiran seperti jenis sampel, nama pegawai persampelan, No. Rujukan sampel, tarikh, masa sampel diambil dan beberapa butiran mengenai ujian parameter untuk effluen.

Sampel dalam botol bertanda 'A' adalah sampel untuk analisa bagi parameter BOD, pepejal terampai dan pH, sampel dalam botol bertanda 'B' adalah untuk analisa bagi parameter Ammoniakal Nitrogen dan Nitrogen; manakala sampel dalam botol bertanda 'C' untuk analisa bagi parameter minyak dan geris.

Ketika S.P 1 membuat tugas pengambilan sampel itu, S.P 2 merakamkan (mengambil gambar) sebanyak tujuh (7) keping gambar berkaitan S.P 1 sedang membuat tugas pensampelan di tempat tersebut (**Eksibit P.5 (2) sehingga (8)**).

Setelah S.P 1 memasukkan cecair effluen ke dalam ketiga-tiga botol tersebut, S.P 1 memasukkan asid H_2SO_4 ke dalam botol bertanda 'B' dan 'C' dikacau dengan spatula kaca untuk tujuan pengawetan, manakala bagi botol bertanda 'A' tiada sebarang bahan pengawet dimasukkan. Ketiga-tiga botol tersebut ditutup dan penutup botol-botol

tersebut dan dilekatkan dengan pelekat Jabatan Alam Sekitar Malaysia 'Counter foil' pada penutup dan badan kesemua botol-botol tersebut oleh S.P 1.

Seterusnya, S.P 1 memasukkan kesemua ketiga-tiga botol tersebut ke dalam peti penyejuk 'cool box' yang diisikan dengan ais sebelum itu yang dibawa bersama ketika di 'final discharge' kilang tertuduh tersebut. S.P 1 menyatakan di Mahkamah bahawa dia ada menyukat suhu dalam 'cool box' dan didapati suhunya adalah 4 darjah centigrade dan mendapati juga bahawa ada ais di dalam 'cool box' telah cair.

Selepas itu, S.P 1 bersama-sama S.P 2 dan penolong pengurus kilang telah pergi ke pejabat kilang tersebut untuk urusan dokumentasi. Ketika di pejabat kilang itu, S.P 1 telah mengisikan Borang Untuk Pemeriksaan/ Analisis (**Eksibit P.9**) dan membuat Rajah Kasar (**Eksibit P.6**) di dalam diari siasatan S.P 1. S.P 2 pula ketika di pejabat kilang itu mengisi Borang Selongkar (**Eksibit P.13**).

Setelah selesai urusan dokumentasi tersebut, pada jam pukul 1.30 petang, S.P 1 dan S.P 2 keluar daripada kilang tersebut bersama 'cool box' yang berisi sampel-sampel tersebut dan meletakkan 'cool box' di dalam kenderaan yang dinaiki oleh S.P 1 dan S.P 2. Seterusnya, pada

hari yang sama juga, daripada kilang tersebut, S.P 1 dan S.P 2 menuju ke Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya, Selangor untuk tujuan dihantar sampel-sampel yang diambil daripada kilang tertuduh untuk dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia.

Pada jam 03.40 petang, iaitu setelah dua jam lebih perjalanan, S.P 1 sampai di Jabatan Kimia Malaysia di Petaling Jaya, Selangor dan beliau mengeluarkan ketiga-tiga botol sampel daripada 'cool box' dan menyerahkan ketiga-tiga botol yang mengandungi sampel effluen tersebut kepada Ahli Kimia iaitu S.P 3.

Berdasarkan keterangan S.P 1, apabila beliau membuka 'cool box' tersebut, terdapat beberapa ais yang cair. S.P 3 mengeluarkan resit rasmi Jabatan Kimia Malaysia (**Eksibit P.10**) mengenai penerimaan ketiga-tiga botol yang mengandungi sampel effluen tersebut dan S.P 3 menyatakan bahawa ketika beliau (S.P 3) menerima ketiga-tiga botol yang mengandungi sampel tersebut ketiga-tiga botol tersebut dalam keadaan sejuk walaupun demikian, beliau (S.P 3) tidak menyukat suhu dalam 'cool box' yang disimpan ketiga-tiga botol tersebut ketika itu mahupun juga suhu-suhu ketiga-tiga botol yang mengandungi sampel tersebut.

S.P 3 setelah menerima ketiga-tiga botol tersebut, beliau memasukkan botol bertanda 'B' dan 'C' ke dalam tempat simpan sejuk 'Chiller' berkunci, manakala Botol bertanda 'A' dijalankan analisa pada hari yang sama iaitu 26.05.2014 dengan menggunakan kaedah analisis sepertimana yang terdapat di dalam 'Revised Standard Method (1985) For Analysis of Rubber and Palm Oil Mill Effluent' (**Eksibit P.1**), Menurut S.P 3, ujian dijalankan atas sampel effluen untuk parameter BOD ini dalam tempoh 17 hari daripada tarikh penerimaan sampel tersebut. Setelah selesai dianalisa, kesemua botol disimpan semula di dalam 'Chiller' tersebut dan berkunci.

Pada tarikh 10.06.2014, S.P 3 telah menyediakan satu laporan kimia (**Eksibit P.11**) atas analisa sampel-sampel yang diterimanya daripada S.P 1. Berdasarkan analisa terhadap sampel cecair effluent dalam botol bertanda 'A' bagi ujian parameter BOD₃ pada 30 C, keputusannya adalah 122 mg/l. S.P 3 mengakui bahawa terdapat kesilapan di dalam laporan kimia yang disediakannya iaitu kesilapan menyatakan botol sampel bertanda 'C' adalah botol yang bersaiz satu (1) liter yang sebenarnya adalah botol yang bersaiz 500 mililiter. Menurut S.P 3 bahawa alasan kesilapannya adalah 'careless mistake' kerana beliau adalah manusia biasa.

Pada tarikh 09.07.2014, S.P 1 telah datang semula ke Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya , Selangor dan mengambil laporan kimia (Eksibit P.11) bersama tiga botol bertanda 'A', 'B' dan 'C' (Eksibit P.4 (a), (b) dan (c)) yang terdapat pelekat Jabatan Kimia Malaysia daripada S.P 3.

S.P 1 membawa pulang laporan kimia dan botol-botol tersebut ke pejabatnya di Temerloh, Pahang. Apabila S.P 1 sampai di pejabatnya di Temerloh, ketiga-tiga botol disimpan di bilik eksibit pejabat tersebut, manakala laporan kimia tersebut diserahkan kepada S.P 2.

BEBAN PEMBUKTIAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

Beban pembuktian atas pihak pendakwaan pada peringkat ini adalah untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dihadapkan kepada tertuduh sepertimana kehendak di bawah **Seksyen 173 (f) (i) & (ii) dan Seksyen 173 (h)(i) Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593)**.

Maksud Kes Prima Facie diterangkan juga di bawah **Seksyen 173 (f) (iii) Kanun Tatacara Jenayah (in English):-**

'a prima facie is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidences proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction'.

Pendakwaan mesti membuktikan setiap intipati-intipati kesalahan dengan keterangan-keterangan yang kredibel.

Maksud Kes Prima Facie juga diterangkan lebih lanjut dalam penghakiman kes-kes Mahkamah Persekutuan iaitu **Pendakwaraya – lawan- Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457** dan **Balachandran – lawan- Pendakwaraya [2005] 1 CLJ 85; [2005] 2 MLJ 301**), **Magendran Mohan-lawan-Pendakwaraya [2011] 1 CLJ 805**.

Dalam penghakiman kes-kes tersebut, telah dinyatakan bahawa dalam menentukan satu kes prima facie telah dibuktikan, seorang hakim bicara perlu meneliti serta menilai secara penilaian yang maksima semua keterangan saksi-saksi termasuk kredibiliti saksi-saksi dalam memberi keterangan, semua eksibit-eksibit yang dikemukakan pihak pendakwaan berserta inferen-inferen yang ditimbulkan ketika perbicaraan sehingga hakim bicara itu berpuashati dan bersedia untuk mensabitkan seseorang tertuduh atas pertuduhan yang dikenakan ke atasnya dan didapati

bersalah sekiranya tertuduh tersebut memilih untuk berdiam diri semasa pembelaan. Dengan kata lain, Keterangan-keterangan pihak pendakwaan berupaya mensabitkan tertuduh melalui bukti yang melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh jika tertuduh berdiam diri tanpa mengemukakan keterangan sekiranya pembelaan dipanggil ke atas tertuduh.

ELEMEN/INTIPATI KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 16 (1) AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 (AKTA 127)

Selain intipati-intipati di dalam pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan, terdapat dua (2) elemen atau intipati kesalahan yang mesti dibuktikan kesemuanya oleh pendakwaan bagi kesalahan di bawah Seksyen 16(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah seperti berikut:-

1. Tertuduh adalah pemegang lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia di bawah Akta 127; dan
2. Tertuduh telah tidak mematuhi lesen yang dikeluarkan di atas iaitu bagi kes sekarang ini sepertimana dalam pertuduhan kes, tertuduh adalah tidak mematuhi standard kualiti yang ditetapkan oleh

Peraturan-Peraturan Kualiti Alam sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977 (P.U (A) 342/1977) bagi 'kepekatan Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD, 3 hari, 30 C) tidak melebihi 100 mg/l bagi effluen yang dilepaskan oleh tertuduh di takat perlepasan terakhir.

HASIL ANALISA MAHKAMAH TERHADAP KETERANGAN-KETERANGAN KES PENDAKWAAN DAN PENEMUAN (FINDINGS) MAHKAMAH

Mahkamah ini telah menilai secara penilaian yang maksima segala keterangan yang dikemukakan di Mahkamah ini ketika Kes Pendakwaan serta mempertimbangkan hujahan-hujahan bertulis kedua-dua pihak, **Mahkamah dengan ini berpuashati dan memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu Kes Prima Facie terhadap tertuduh di dalam kes ini atas pertuduhan kes ini. Seterusnya adalah diperintahkan oleh Mahkamah ini bahawa tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan tanpa perlu dipanggil untuk membela dirinya.**

Alasan-Alasan Mahkamah dalam membuat keputusan sedemikian adalah atas pertimbangan penemuan-penemuan Mahkamah seperti berikut:-

1. Tertuduh Mempunyai Lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Mahkamah Mendapati bahawa tertuduh mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia berdasarkan **Eksibit P.14**. Pendakwaan telah berjaya membuktikan intipati pertama kesalahan di dalam kes ini.

Berdasarkan lesen (**Eksibit P.14**) tersebut, terdapat syarat lesen yang menyatakan bahawa:-

'Sebarang effluen yang dilepaskan dari takat pelepasan terakhir yang diluluskan mestilah mematuhi standard kualiti yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977 (P.U (A) 342/1977) bagi 'kepekatan Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD, 3 hari, 30 C) tidak melebihi 100 mg/l.'

Berdasarkan kepada **Peraturan 2 (Tafsiran) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977 (P.U. (A) 342/77** menyatakan bahawa:-

'Effluen' ertinya buangan cecair atau buangan air yang keluar disebabkan proses pengeluaran yang berlaku di premis yang ditetapkan.

'B.O.D' bererti oksigen biokimia yang diperlukan, iaitu kuantiti oksigen yang digunakan mengikut ujian makmal, dalam pengoksidaan biokimia bahan organik dalam effluen dalam suatu jangkamasa yang ditentukan yang mana bagi maksud peraturan-peraturan ini adalah tiga (3) hari, dan pada suatu suhu yang ditentukan, yang mana bagi maksud peraturan-peraturan ini adalah 30 darjah Centigrade.

'Kepekatan B.O.D' ialah keamatan oksigen biokimia yang diperlukan bagi effluen, dikira mengikut B.O.D bagi satu standard isipadu effluent, seperti satu liter; oleh itu effluent adalah dikatakan mengikut kepekatan B.O.D, katalah, 5,000 miligram bagi satu liter atau 5,000 mg/l, jika potensinya untuk menggunakan oksigen bagi satu liter effluent akan, mengikut ujian makmal, menggunakan

dalam jangka masa tiga hari dan pada suhu 30 darjah Centigrade, 5,000 miligram oksigen dalam proses oksidasi biokimianya.

2. S.P 1 dan S.P 2 Mempunyai Kuasa Untuk Memasuki dan Menyiasat di kilang sawit tertuduh.

2.1 Mahkamah mendapati bahawa S.P 1 dan S.P 2 mempunyai kuasa menyiasat di dalam kes ini berdasarkan kepada kuasa bertulis yang diberikan kepada mereka berdua di bawah **Seksyen 37A (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** yang mana Seksyen ini menyebut:-

‘Ketua Pengarah atau **mana-mana pegawai** yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini’

Berdasarkan kepada **Eksibit P.2** (Surat Pemberian Kuasa oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia ke atas S.P 1) dan **Eksibit P.12** (Surat Pemberian Kuasa oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia ke atas S.P

2) telah memberi kuasa kepada S.P 1 dan S.P 2 untuk menyiasat kilang sawit tertuduh dengan memasuki dan membuat siasatan di kilang sawit tertuduh tersebut.

2.2 Pihak pembelaan telah membangkit satu isu bahawa S.P 1 dan S.P 2 ketika menjalankan siasatan di Kilang sawit tertuduh adalah tanpa sebarang waran memasuki premis dan tanpa sebab mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 127 sepertimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 38 Akta tersebut.

Mahkamah ini berpendapat bahawa situasi kes ini bukan dalam keadaan situasi di bawah Seksyen 38 Akta yang mana menyatakan mengenai keperluan mempercayai sesuatu kesalahan telah dilakukan barulah pegawai itu boleh memasuki sesuatu premis tersebut tanpa waran.

Fakta kes ini menunjukkan bahawa S.P 1 dan S.P 2 telah memasuki kilang sawit tertuduh atas kebenaran penolong pengurus kilang sawit tertuduh maka tiada keperluan kepada waran memasuki premis. Tiada keterangan yang

menunjukkan bahawa pihak kilang tertuduh ketika itu tidak membenarkan atau menghalang S.P 1 dan S.P 2 daripada memasuki kilang sawit tersebut. Tiada juga keterangan bahawa S.P 1 dan S.P 2 telah memasuki kilang tersebut secara paksaan dan secara melulu masuk ke kilang sawit tertuduh ketika itu tanpa kebenaran.

- 2.3 Sekiranya S.P1 dan S.P 2 memasuki kilang sawit tertuduh tidak mengikut peuntukan undang-undang, Mahkamah ini masih boleh menerima dan mempertimbangkan keterangan-keterangan yang relevan dan kredibel yang diperolehi hasil siasatan S.P 1 dan S.P 2 di kilang sawit tertuduh.

Di dalam kes Mahkamah Agung (Supreme Court) iaitu **Ramli b. Kechik-lawan Pendakwaraya [1986] 2 MLJ 33** adalah diputuskan di dalam kes ini bahawa:-

'Further, it is a well established rule of English law that relevant evidence is admissible, even though it has been obtained illegally. Thus, in the Privy Council case of Kuruma v. The Queen [1955] AC 197,

203, on the argument that the court should reject and ignore evidence illegally obtained, Lord Goddard in dismissing the appeal had this to say: -

"In their Lordships' opinion the test to be applied in considering whether evidence is admissible is whether it is relevant to the matters in issue. If it is, it is admissible and the court is not concerned with how the evidence was obtained. While this proposition may not have been stated in so many words in any English case there are decisions which support it, and in their Lordships' opinion it is plainly right in principle."'

Mahkamah ini juga merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan iaitu **Hanafi Mat Hassan-lawan-Pendakwaraya [2006] 3 CLJ 269** yang mana di dalam penghakiman kes ini menyatakan bahawa seperti berikut:-

'It is therefore clear that the court has no discretion to refuse to admit evidence on the ground that it was

illegally obtained if it is relevant. This rule applies, inter alia, to cases involving illegal searches, evidence obtained by secret listening devices or by undercover police operations. It also applies to evidence obtained by unfair procedures’.

3. **Terdapatnya Effluen di Takat Pelepasan Terakhir Kilang sawit Tertuduh.**

Mahkamah mendapati bahawa terdapat cecair effluen yang dikeluarkan oleh kilang sawit tertuduh di takat pelepasan terakhir kilang iaitu di ‘Final Discharge’ kilang tersebut.

Eksibit P.6 (Rajah Kasar Kawasan kilang sawit tertuduh) dan **Eksibit P.5 (2)** (gambar cecair effluen dan tempat ‘Final discharge’) dan **Eksibit P.13** (Borang Selongkar Tempat Kejadian) menyatakan mengenai ‘Final Discharge’ kilang tersebut yang merupakan kawasan pelepasan terakhir cecair effluent kilang dan terdapatnya cecair effluen kilang tersebut di situ. Pembelaan ketika pebicaraan juga tidak mempertikaikan mengenai kewujudan cecair effluen dan takat pelepasan terakhir cecair effluen di kilang sawit tertuduh kes ini.

4. **Pendakwaan telah gagal membuktikan kepekatan Oksigen Biokimia yang diperlukan (BOD) adalah 122.5 mg/liter iaitu melebihi had piawai yang ditetapkan iaitu 100 mg/liter daripada cecair effluen yang diambil di 'Final Discharge' kilang sawit tertuduh.**

Atas kegagalan membuktikan perkara ini, maka intipati kedua kesalahan bagi kes ini adalah gagal dibuktikan oleh pendakwaan seterusnya pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh di dalam kes ini.

Mahkamah memutuskan sedemikian kerana seperti berikut:-

- 4.1 **Kegagalan pihak Jabatan Alam Sekitar di dalam kes ini mematuhi kehendak-kehendak standard mengikut Eksibit P.1 (Revised Standard Methods For Analysis of Rubber & Palm Oil Mill Effluent) dalam pensempalan effluen daripada tempat kejadian sehingga sampel itu dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa oleh Ahli Kimia.**

4.2 Berdasarkan keterangan kesemua ketiga-tiga saksi pendakwaan di Mahkamah termasuk ahli kimia di dalam kes ini (S.P 1, S.P 2 dan S.P 3) telah menyatakan bahawa bagi tujuan pensampelan dan penganalisan cecair effluen daripada Kilang sawit untuk parameter Oksigen Biokimia Yang Diperlukan (BOD) adalah mesti berlandaskan kepada prosidur dan kaedah yang terdapat di dalam **Eksibit P.1 (Revised Standard Method (1985) For Analysis of Rubber and Palm Oil Mill Effluent)** yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Merujuk kepada **Eksibit P.1** ini ada menyatakan prosidur pensampelan dan analisis sampel adalah seperti berikut:-

‘It is recommended that all samples are collected and stored in wide mouthes bottles made of plastic or glass. Fill sample containers without pre-rinsing with sample. **The storage container should be filled completely to exlude air**’

‘A representative sample for analyses is collected in a plastic bottle (Refer to **Table 2**):-

Group	Parameters	Container	Containersize	Preservation	Holding time
1	Suspended Solids (SS), BOD3	Plastic	2 Litre	Refrigerate at a low temperature (as near 4 C as possible)	SS: 7 days BOD3 : 24 hours

‘Samples should preferably be analysed within the holding time, refer to **Table 2**. To minimize the potential for volatilization or biodegradation between sampling and analysis, keep the samples as cool as possible without freezing. The temperature and pH readings of the effluent to be sampled should be measured ‘in-situ’.

‘The methods of analysis should be in accordance with the procedure as given in **Section 2 (Eksibit P.1)**. Results of the analyses should be certified by a registered chemist.’

‘**Section 2:-**‘The sample is incubated for 3 days (72+- 1 hr) at 30 C +- 1 C. This temperetaure is chosed instead of an incubation temperature of 20 C for 5 days.

4.3 Mahkamah mendapati bahawa ketika S.P 1 membuat pensampelan cecair effluen di 'Final Discharge' yang terletak di Kilang tertuduh untuk tujuan dianalisa bagi parameter BOD, S.P 1 adalah tidak mematuhi prosidur dan kaedah sepertimana yang dinyatakan di dalam Eksibit P.1 iaitu:-

- a. Kegagalan S.P 1 memastikan bahawa botol plastik bertanda 'A' tersebut perlu diisi penuh dan pengecualian udara di dalam botol tersebut; dan
- b. Kegagalan S.P 1 memastikan bahawa sampel effluen yang diambil disimpan atau 'preserved' dalam suhu rendah paling hampir kepada 4 Darjah Centigrade.

Kegagalan-kegagalan S.P 1 ini mematuhi kehendak prosidur di atas menyebabkan terdapatnya keraguan berkaitan hasil keputusan ujian analisa terhadap sampel effluen tersebut berkaitan parameter BOD oleh ahli kimia (S.P 3). Kelebihan keraguan 'benefit of doubt' ini perlu diberikan kepada tertuduh di dalam kes ini.

4.4 S.P 1 di dalam keterangannya di Mahkamah ketika telah menyatakan bahawa beliau tidak mengecualikan udara dalam botol sampel yang diambilnya. Keterangannya adalah seperti berikut:

‘Semasa berkursus, kami diajar untuk mengambil sampel di kilang sawit mengambil sampel effluen untuk mengetahui BOD. Kami menggunakan botol plastik 2 liter untuk diisi dengan effluen sehingga penuh botol plastik tersebut dan sampel itu disimpan di dalam bekas berisi ais sejuk ‘cool box’ untuk mengelakkan sampel yang diambil di lapangan tidak terganggu dan bila sampel sampai di Jabatan Kimia masih dalam keadaan asal.’

‘saya setuju terdapat ruang udara dalam botol tersebut. Saya setuju terdapat ruang udara di dalam botol yang diisi dengan sampel itu dan dihantar botol-botol itu ke Jabatan Kimia Malaysia. Saya setuju sampel-sampel itu tercemar apabila dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia.’

‘Saya tidak pasti pasti bahawa sampel-sampel yang dihantar di Jabatan Kimia Malaysia adalah rosak atau tidak.’

S.P 1 ketika disoal semula oleh pendakwaan, beliau menyatakan seperti berikut:-

‘Sampel effluen diisi ke botol plastik tersebut adalah tidak penuh dan apabila ditutup dengan penutup bahagian dalam botol plastik tersebut, paras sampel effluen adalah setakat sama paras penutup dalam botol. Jika diisi penuh, apabila ditutup dengan penutup dalam botol itu sampel akan melimpah keluar.’

Mahkamah mendapati bahawa S.P 1 tidak mengisi penuh botol-botol sampel tersebut dan alasan beliau mengatakan bahawa jika diisi penuh sampel dalam botol tersebut, sampel akan melimpah bila ditutup adalah andaian S.P 1 semata-mata sedangkan gambar yang jelas ditunjukkan di **muka surat 6 Eksibit P.1** iaitu paras cecair effluen adalah diisi penuh di botol sampel dalam gambar tersebut tidak

sepertimana paras cecair effluen yang diisi oleh S.P 1 dalam botol-botol sampel kes ini.

Tindakan S.P 1 yang tidak mengisi penuh sampel cecair effluen ke dalam botol-botol tersebut mengakibatkan wujud udara di dalam botol sampel tersebut dan seterusnya gagal mematuhi kehendak Eksibit P.1 yang boleh mengakibatkan sampel cecair effluen tersebut tercemar.

Berdasarkan kepada keterangan di Mahkamah oleh Ahli Kimia (S.P 3) yang menganalisa sampel-sampel di dalam kes ini, beliau menyatakan akan kepentingan 'exclude air' dalam botol yang diisikan sampel untuk dianalisa dan jika tidak patuhi prosidur ini, akan menyebabkan keputusan analisa tidak tepat. Keterangan ahli kimia (S.P 3) adalah seperti berikut:-

'Kena 'exclude air' ke atas sampel effluen supaya sampel itu tidak 'biodegradation' mungkin mikroorganisma membiak.'

'Berdasarkan pengalaman saya, saya setuju bahawa jika ada udara pada sampel akan 'volatilization' iaitu rosak sampel, saya setuju itu. Saya setuju jika sampel rosak, keputusan ujian tidak menggambarkan keadaan sebenar effluen tersebut.'

'Saya setuju bahawa terdapat ruang udara dalam botol dan saya bersetuju kemungkinan ada 'volatilization' berlaku pada sampel effluent. Mungkin jika ada 'volatilization' pada sampel effluen, bacaan BOD akan tinggi. Kalau betul diisi penuh botol tersebut iaitu tiada udara dalam botol, bacaan mungkin rendah BOD.'

Disebabkan S.P 1 ini tidak mengikut prosidur yang ditetapkan dalam Eksibit P.1 dan berdasarkan kepada keterangan Ahli Kimia (S.P 3) yang menyatakan bahawa tindakan tidak mengecualikan udara pada botol sampel effluen boleh mengakibatkan kerosakan pada sampel atau bacaan untuk parameter B.O.D adalah tidak menunjukkan keputusan yang sebenar ke atas sampel cecair effluen yang terdapat di 'Final Discharge' kilang sawit tertuduh, maka

terdapatnya keraguan yang munasabah ke atas bacaan B.O.D cecair effluen di dalam kes ini.

4.5 Mahkamah juga mendapati bahawa terdapat keraguan berkaitan tahap pemeliharaan 'preservation' suhu sampel effluen tersebut yang diperolehi oleh S.P 1 dalam tugas pensampelan yang dilakukannya dalam kes ini. Mahkamah mendapati bahawa suhu sampel effluen adalah melebihi tahap suhu atau suhu membeku yang tidak sepertimana kehendak dalam Eksibit P.1 iaitu paling dekat pada suhu 4 darjah Centigrade.

4.6 Mahkamah mendapati bahawa suhu di dalam peti penyejuk 'cool box' yang mana diletakkan ketiga-tiga botol sampel tersebut di dalamnya adalah mempunyai suhu yang berubah-ubah dan tidak kekal suhunya kerana penyejukan 'cool box' berkenaan adalah bergantung kepada ais yang dibeli S.P 1 di pasar dan diletakkan ke dalam 'cool box' tersebut dan tempoh ais tersebut di dalam 'cool box' tersebut lebih daripada tiga jam dan ais-ais di dalam 'cool box' ada yang cair dan semakin mencair.

Mahkamah mendapati bahawa tiada kepastian mengenai pengejukan suhu pada aras paling dekat 4 darjah Centigrade di dalam 'cool box' yang disimpan botol-botol yang berisi sampel effluen sepertimana yang dikehendaki di dalam Eksibit P.1.

Walaupun S.P 1 menyatakan bahawa beliau ada menyukat suhu dalam 'cool box' tersebut, tetapi tiada sebarang keterangan mengenai alat penyukat suhu yang digunakan dan cara menyukat suhu yang dilakukan. S.P 2 yang berada di tempat pengambilan sampel tersebut langsung tidak mengambil sebarang gambar mengenai sukatan suhu jika benar S.P 1 melakukan tugas menyukat suhu. S.P 3 (Ahli Kimia) juga ketika menerima botol-botol sampel tidak menyukat suhu dalam 'cool box' tersebut.

S.P 1 sepertimana di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau tidak pasti mengenai cara penyukat suhu yang dilakukannya dan beliau juga tidak pasti mengenai suhu dalam 'cool box' tersebut samaada sentiasa kekal 4 darjah Centigrade atau menurun atau menaik daripada 4 darjah Centigrade. Keterangannya adalah seperti berikut:-

'Saya setuju tiada orang nampak saya mengukur suhu. Saya setuju bahawa cara saya mengukur suhu adalah mungkin tidak betul.'

'Saya setuju bahawa bacaan suhu bekas penyejuk seperti dalam Eksibit P.9 adalah 4 darjah Centigrade dan ada kemungkinan suhu bekas penyejuk ini apabila sampai di Jabatan Kimia Malaysia mungkin berubah daripada suhu 4 darjah Centigrade kerana ais ada yang cair lagi. Saya setuju sampel yang dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia mungkin ada yang rosak.'

Oleh yang demikian, jika prosidur bagi 'preservation' suhu pada sampel-sampel effluen yang diambil pada suhu paling hampir kepada 4 darjah Centigrade tidak dipatuhi oleh S.P 1 maka inferen yang boleh ditimbulkan kepada Mahkamah adalah bahawa suhu sampel-sampel effluent dalam kes ini adalah melebihi 4 darjah Centigrade ataupun mungkin pada tahap suhu membeku. Ini menimbulkan keraguan terhadap sampel effluen yang dianalisa oleh S.P 3 (ahli Kimia) dan

menyebabkan keputusan analisa bagi BOD oleh S.P 3 adalah keputusan yang tidak tepat.

Mahkamah juga mengambil kira Kredibiliti S.P 1 dalam memberi keterangan di Mahkamah. Mahkamah mendapati bahawa Keterangan S.P 1 ini perlu dipertimbangkan secara berhati-hati dan memerlukan keterangan sokongan kerana terdapat keterangan S.P 1 ini yang bercanggah dengan keterangan yang lain sepertimana keterangan beliau terhadap rajah kasar (I.D 7 dan I.D 8) yang mana mengikut I.D 7 dan I.D 8 dinyatakan bahawa kedua-dua rajah kasar ini dilukis oleh S.P 1 sedangkan berdasarkan keterangan S.P 2 dan S.P 1 sendiri menyatakan bahawa I.D 7 dan I.D 8 dilukis oleh S.P 3.

S.P 1 dalam keterangannya menyatakan seperti berikut:-

‘Rajah kasar iaitu I.D 7 dan I.D 8 pada awalnya saya menyatakan bahawa ianya adalah dilukis oleh saya dan selepas itu saya katakan bahawa cik Suhana yang lukis. Saya setuju yang saya menipu ketika menulis pada I.D 7 dan I.D 8 bahawa saya yang lukisnya’

Mahkamah memutuskan bahawa I.D 7 dan I.D 8 dikekalkan sebagai I.D kerana terdapat keraguan dalam penyediaannya.

Mahkamah mendapati bahawa keterangan S.P 1 mengenai sukatan suhu yang dilakukannya, menulis suhu bekas penyejuk pada Eksibit 9, keterangan mengenai pengecualian udara dalam botol sampel adalah tiada keterangan sokongan.

Mahkamah juga mendapati bahawa terdapatnya keraguan mengenai identiti sampel yang dihantar ke ahli kimia untuk dianalisa kerana terdapatnya keraguan keterangan mengenai botol bertanda 'C' yang dinyatakan pada Eksibit P.11 (Laporan Kimia) samaada botol berukuran 500 mililiter atau satu liter ?.

Alasan S.P 3 bahawa 'careless mistake' disebabkan beliau manusia biasa adalah alasan yang tidak munasabah dan inferen yang boleh ditimbulkan bahawa apa yang dinyatakan oleh S.P 3 di dalam Eksibit P.11 tersebut terutamanya mengenai keputusan analisa mungkin terdapat 'careless

mistake' dan seterusnya menimbulkan keraguan kepada Mahkamah.

Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas, Mahkamah membuat keputusan melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan kes ini.

t.t

**SHAH RIZAT BIN ISMAIL
HAKIM
MAHKAMAH SESYEN RAUB
PAHANG**

TARIKH KEPUTUSAN: 19.09.2016

PENDAKWAAN : Jabatan Alam sekitar Negeri Pahang

PEGUAMBELA : Tetuan Rahman Rohaida